

Bil. S 28

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3) dan (5))

PERINTAH DARURAT (PERBEKALAN TAMBAHAN) (2000) (BIL. 1), 2000

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan satu Pemasyhuran Darurat bertarikh 27 haribulan Jun, 1998 telah mengisytiharkan satu keadaan darurat dalam seluruh Negara;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (3) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, bahawa apabila satu Pemasyhuran telah dibuat dan selagi Pemasyhuran itu berjalan kuatkuasanya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bolehlah membuat sebarang Perintah yang Baginda fikirkan perlu bagi kepentingan awam;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa kuasa-kuasa tersebut akan termasuk kuasa membuat peruntukan kewangan yang boleh jadi diperlukan di sepanjang tempoh darurat termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang tiga ribu, dua ratus lapan puluh satu juta, lapan ratus tujuh puluh ribu, empat ratus tujuh puluh empat ringgit (\$3,281,870,474.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Perbekalan) (2000), 1999;

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak sembilan puluh sembilan juta, enam ratus empat puluh tujuh ribu, lima ratus dua puluh tiga ringgit dan empat puluh satu sen (\$99,647,523.41);

SEKARANG, DARI ITU, bagi menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh ceraian-ceraian (3) dan (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat Perintah seperti berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (2000) (Bil. 1), 2000.

Perbelanjaan Tambahan bagi Tahun 2000.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi dari sembilan puluh sembilan juta, enam ratus empat puluh tujuh ribu, lima ratus dua puluh tiga

ringgit dan empat puluh satu sen (\$99,647,523.41) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan pelbagai perkhidmatan yang ditentukan dalam Jadual untuk tahun 2000 yang tidak diperuntukkan atau tidak sepenuhnya diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (2000), 1999 adalah dengan ini dibenarkan.

Memperuntukkan.

(2) Wang tersebut adalah diperuntukkan bagi tujuan-tujuan seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan
	KEMENTERIAN KEWANGAN	
S.D52	Perkhidmatan Rampaian	\$61,913,362.41
	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	
S.K5	Perkhidmatan Elektrik	\$37,734,161.00
		<u>\$99,647,523.41</u>

Diperbuat pada hari ini 29 haribulan Zulhijah, 1420 Hijrah bersamaan dengan 4 haribulan April, 2000 Masihi, di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**